



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

STRUKTUR DAN PRAGMATIK DALAM PUISI
PELANDAI BULAN

NELSON TANDANG ANAK EDWIN UNTING



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH DOKTOR FALSAFAH
(BAHASA IBAN)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian ini ialah tentang *Leka Main Pelandai Bulan* yang merupakan sejenis puisi lisan dalam masyarakat Iban. Puisi ini ialah hasil ciptaan Mendiang Duning Anak Gunggu sekitar tahun 1954. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti struktur dan menerangkan tema *Pelandai Bulan*. Ia juga menjelaskan fungsi *Pelandai Bulan* dalam masyarakat Iban. Kajian ini bersandarkan Teori Strukturalisme untuk mengupas struktur dan tema *Pelandai Bulan*. Teori Pragmatisme telah digunakan untuk menjelaskan fungsi puisi ini dalam masyarakat Iban. Data kajian telah dikumpul daripada bahan artifak, bahan kepustakaan dan temu bual dengan responden. Data dari aspek struktur dan tema telah dianalisis dengan Kaedah de Saussure dan untuk data fungsi dianalisis dengan Kaedah *System Coding* J. Saldana. Kajian mendapati bahawa *Pelandai Bulan* memiliki struktur yang bercirikan karya sastera. Ia memiliki tema yang berfokus kepada proses rutin penanaman padi tahunan dalam masyarakat Iban. *Pelandai Bulan* berfungsi sebagai panduan ritual dan peringatan kepada masyarakat Iban dalam mengerjakan huma. Kajian ini diharap dapat mengangkat martabat *Pelandai Bulan* sebagai satu genre puisi lisan masyarakat Iban. Ini akan menambah korpus dalam dunia kesusasteraan masyarakat Iban. Dapatan kajian ini dapat dijadikan sumber rujukan untuk memberi inspirasi kepada masyarakat Iban, khasnya generasi muda untuk menghargai dan memelihara puisi-puisi lisan masyarakatnya.





STRUCTURE AND PRAGMATIC OF *PELANDAI BULAN* POEM

ABSTRACT

This study focus on an oral poetry in the Iban community which is called *Pelandai Bulan*, composed by the late Duing anak Gunggu around 1954. Objectively, based on the theory of structuralism and pragmatism, this study looks into its structure, theme and functions in the Iban community. This data was collected through artifacts, interviews and literature reviews, then analyzed qualitatively using de Saussure Methodology for structure and theme. As for its functions, the data was analyzed with J. Saldana's System Coding methodology. It is emphasized here that its structure was constructed based on the general characteristics of a poem and it meets the standard and criteria of the oral poetry. Therefore, it can be used as a scholarly corpus in language studies. *Pelandai Bulan* conveys messages which are related significantly to the yearly routine of paddy planting among Iban farmers as its general theme. Thus, the poem at times, functions as a ritual guideline and calendar for the whole of the Iban agrarian community. This study also can be used as a reference and inspiration for the young Iban generations to treasure and appreciate this special poem in its community.



**KANDUNGAN****Muka Surat**

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI ILUSTRASI	x
SENARAI SINGKATAN	xi
SENARAI ISTILAH	xii
LAMPIRAN	xiv

**BAB I PENDAHULUAN**

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.2.1	Latar Belakang <i>Pelandai Bulan</i>	16
1.2.2	<i>Leka Main Iban</i>	18
1.2.3	<i>Bulan Umai Taun Iban</i>	22
1.2.4	Elemen Gaya Bahasa <i>Pelandai Bulan</i>	33
1.2.5	Teori Kajian	38
1.3	Pernyataan Masalah	41
1.4	Objektif Kajian	45
1.5	Soalan Kajian	46





1.6	Batasan Kajian	47
1.7	Definisi Operasional	49
1.8	Kesimpulan	53

BAB 2 SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	55
2.2	Sorotan Penulisan Tempatan	56
2.2.1	Struktur	56
2.2.2	Tema	60
2.2.3	Fungsi	64
2.3	Sorotan Penulisan Luar Negara	69
2.3.1	Struktur	69
2.3.2	Tema	71
2.3.3	Fungsi	74
2.4	Sorotan Kajian Tempatan	86
2.4.1	Struktur	86
2.4.2	Tema	93
2.4.3	Fungsi	98
2.5	Sorotan Kajian Luar Negara	104
2.5.1	Struktur	104
2.5.2	Tema	108
2.5.3	Fungsi	113
2.6	Sorotan Teoretikal Kajian	123
2.7	Kesimpulan	124



BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	126
3.2	Kaedah Penyelidikan	126
3.3	Reka Bentuk Kajian	128
3.4	Teori Kajian	131
3.5	Kerangka Konseptual	153
3.6	Populasi Dan Persampelan	155
3.7	Metodologi Kajian	157
3.8	Prosedur Pengumpulan Data	160
3.9	Analisis Item	169
3.10	Pemerosesan Dan Analisis Data	170
3.11	Kesimpulan	174

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	175
4.2	Struktur <i>Pelandai Bulan</i>	178
4.2.1	Struktur <i>Pelandai Bulan Manggul</i>	178
4.2.2	Struktur <i>Pelandai Bulan Nasau</i>	185
4.2.3	Struktur <i>Pelandai Bulan Nebang</i>	190
4.2.4	Struktur <i>Pelandai Bulan Belanggang Reban</i>	196
4.2.5	Struktur <i>Pelandai Bulan Ngelabuhka Benih</i>	200
4.2.6	Struktur <i>Pelandai Bulan Mantun</i>	205
4.2.7	Struktur <i>Pelandai Bulan Begantung Senduk</i>	208
4.2.8	Struktur <i>Pelandai Bulan Matah</i>	212
4.2.9	Struktur <i>Pelandai Bulan Ngetau</i>	217

4.2.10	Struktur <i>Pelandai Bulan Empalai Rubai</i>	220
4.2.11	Struktur <i>Pelandai Bulan Berangkut</i>	223
4.2.12	Struktur <i>Pelandai Bulan Kelelang</i>	227
4.3	Tema <i>Pelandai Bulan</i>	237
4.3.1	Tema <i>Pelandai Bulan Manggul</i>	237
4.3.2	Tema <i>Pelandai Bulan Nasau</i>	243
4.3.3	Tema <i>Pelandai Bulan Nebang</i>	247
4.3.4	Tema <i>Pelandai Bulan Belanggang Reban</i>	252
4.3.5	Tema <i>Pelandai Bulan Ngelabuhka Benih</i>	256
4.3.6	Tema <i>Pelandai Bulan Mantun</i>	261
4.3.7	Tema <i>Pelandai Bulan Begantung Senduk</i>	265
4.3.8	Tema <i>Pelandai Bulan Matah</i>	271
4.3.9	Tema <i>Pelandai Bulan Ngetau</i>	275
4.3.10	Tema <i>Pelandai Bulan Empalai Rubai</i>	279
4.3.11	Tema <i>Pelandai Bulan Berangkut</i>	283
4.3.12	Tema <i>Pelandai Bulan Kelelang</i>	287
4.4	Fungsi <i>Pelandai Bulan</i>	299
4.4.1	Panduan Perhumaan	313
4.4.2	Kalendar Perhumaan	316
4.4.3	Panduan Ritual Perhumaan	320
4.4.4	Nasihat	319
4.4.5	Hiburan	320
4.5	Kesimpulan	322

BAB 5 PERBINCANGAN

5.1	Pengenalan	325
5.2	Struktur <i>Pelandai Bulan</i>	327
5.3	Tema <i>Pelandai Bulan</i>	347
5.4	Fungsi <i>Pelandai Bulan</i>	368
5.5	Cadangan	374
5.5.1	Status <i>Pelandai Bulan</i>	380
5.5.2	Status Dungan anak Gunggu	381
5.6	Kesimpulan	384

BAB 6 PENUTUP

6.1	Pengenalan	386
6.2	Struktur <i>Pelandai Bulan</i>	386
6.3	Tema <i>Pelandai Bulan</i>	387
6.4	Fungsi <i>Pelandai Bulan</i>	389
6.5	Kesimpulan	390

RUJUKAN	395
----------------	-----

LAMPIRAN	403
-----------------	-----

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	<i>Bulan Umai Taun Iban</i>	23
1.2	Definisi Operasional	51
3.1	Elemen Gaya Bahasa Untuk Mengkaji Struktur <i>Pelandai Bulan</i>	138
3.2	Elemen Bait dan Prosodi Mengkaji <i>Pelandai Bulan</i>	142
3.3	Analisis fungsi <i>Pelandai Bulan</i> dalam masyarakat Iban	165
3.4	Analisis Fungsi <i>Pelandai Bulan</i>	167
3.5	Kaedah de Saussure Pemerosesan Data Struktur	171
3.6	Kaedah de Saussure Pemprosesan Data Tema	172
3.7	Kaedah Morris dan <i>System Coding Saldana</i> - Pemerosesan Data Fungsi	173
4.1	Kaedah de Saussure – Dapatan Struktur <i>Pelandai Bulan Manggul</i>	184
4.2	Kaedah de Saussure – Dapatan Struktur <i>Pelandai Bulan Nasau</i>	190
4.3	Kaedah de Saussure – Dapatan Struktur <i>Pelandai Bulan Nebang</i>	195
4.4	Kaedah de Saussure – Dapatan Struktur <i>Pelandai Bulan Belanggang Reban</i>	199
4.5	Kaedah de Saussure – Dapatan Struktur <i>Pelandai Bulan Ngelabuhka Benih</i>	204
4.6	Kaedah de Saussure – Dapatan Struktur <i>Pelandai Bulan Mantun</i>	207
4.7	Kaedah de Saussure – Dapatan Struktur <i>Pelandai Bulan Begantung Senduk</i>	211



4.8	Kaedah de Saussure – Dapatan Struktur <i>Pelandai Bulan Matah</i>	216
4.9	Kaedah de Saussure – Dapatan Struktur <i>Pelandai Bulan Ngetau</i>	219
4.10	Kaedah de Saussure – Dapatan Struktur <i>Pelandai Bulan Empalai Rubai</i>	223
4.11	Kaedah de Saussure – Dapatan Struktur <i>Pelandai Bulan Berangkut</i>	266
4.12	Kaedah de Saussure – Dapatan Struktur <i>Pelandai Bulan Kelelang</i>	230
4.13	Rumusan Huraian Dapatan Struktur <i>Pelandai Bula</i>	232
4.14	Kaedah de Saussure – Dapatan Tema <i>Pelandai Bulan Manggul</i>	242
4.15	Kaedah de Saussure – Dapatan Tema <i>Pelandai Bulan Nasau</i>	246
4.16	Kaedah de Saussure – Dapatan Tema <i>Pelandai Bulan Nebang</i>	250
4.17	Kaedah de Saussure – Dapatan Tema <i>Pelandai Bulan Belanggang Reban</i>	255
4.18	Kaedah de Saussure – Dapatan Tema <i>Pelandai Bulan Ngelabuhka Benih</i>	260
4.19	Kaedah de Saussure – Dapatan Tema <i>Pelandai Bulan Mantun</i>	264
4.20	Kaedah de Saussure – Dapatan Tema <i>Pelandai Bulan Begantung Senduk</i>	268
4.21	Kaedah de Saussure – Dapatan Tema <i>Pelandai Bulan Matah</i>	275
4.22	Kaedah de Saussure – Dapatan Tema <i>Pelandai Bulan Ngetau</i>	279
4.23	Kaedah de Saussure – Dapatan Tema <i>Pelandai Bulan Empalai Rubai</i>	282



4.24	Kaedah de Saussure – Dapatan Tema <i>Pelandai Bulan Berangkut</i>	286
4.25	Kaedah de Saussure – Dapatan Tema <i>Pelandai Bulan Kelelang</i>	290
4.26	Rumusan Huraian Dapatan Tema <i>Pelandai Bulan</i>	292
4.27	Analisis Dapatan Fungsi <i>Pelandai Bulan</i> secara <i>System Coding</i> : Responden Pengamal (RP)	301
4.28	Analisis Dapatan Fungsi <i>Pelandai Bulan</i> secara <i>System Coding</i> : Responden Bukan Pengamal (RBP)	305
4.29	Analisis Triangulasi Data Dapatan Fungsi <i>Pelandai Bulan</i> secara <i>System Coding</i> : Respons Pakar (P1 dan P2)	309



SENARAI RAJAH

No. Rajah

Muka Surat

2.1	Literatur Teoretikal Kajian	123
3.1	Konsep Kajian <i>Pelandai Bulan</i>	129
3.2	Kerangka Analitikal Kajian	130
3.3	Kerangka Teoretikal Kajian	132
3.4	Kerangka Konseptual Kajian	154
3.5	Pengumpulan Data Kajian	160
3.6	Analisis Item: <i>Pelandai Bulan</i>	169
6.2	Rumusan Dapatan Kajian	390





SENARAI SINGKATAN

IPGM	: Institut Pendidikan Guru Malaysia
KDP6M	: Kursus Dalam Perkhidmatan 6 Minggu Bahasa Iban
KPM	: Kementerian Pendidikan Malaysia
PBDS	: Parti Bansa Dayak Sarawak
PRS	: Parti Rakyat Sarawak
RTM	: Radio Televisyen Malaysia, Sarawak
SNAP	: Sarawak National Party
SPDP	: Sarawak Progressive Democratic Party
Prof.	: Profesor
KFRD	: Kaedah Francois-Rene Daillie
TCT	: Theory Communicative Translation
AEDIL	: Association of Education Developement of Iban Language
PB	: <i>Pelandai Bulan</i>
TS	: Teori Strukturalisme
TP	: Teori Pragmatisme





SENARAI ISTILAH

- Pelandai* : Puisi masyarakat Iban yang dilagukan serta berlainan bentuk dan pengertian daripada Pantun Melayu.
- Bulan* : Merujuk kepada bulan dalam hitungan kalendar di langit.
- Leka Main* : Puisi lisan dalam kesusasteraan masyarakat Iban
- Masyarakat Iban : Etnik Iban di Sarawak
- Struktur : Fokus kepada aspek bentuk *Pelandai Bulan*
- Tema : Mesej dan pemikiran dalam *Pelandai Bulan*
- Fungsi : Membicarakan aspek mesej dalam *Pelandai Bulan* yang mengandungi unsur moral, psikologi, sosiologi, formalistik dan arketaipal tentang masyarakat Iban. *Pelandai Bulan* yang mampu mencerminkan sosioekonomi, sosiopolitik dan sosiobudaya masyarakat Iban.
- Umai Taun* : Aktiviti rutin penanaman padi saban tahun masyarakat Iban
- Rungkai : Menjelaskan sedalamnya isu yang dibincangkan agar mudah difahami untuk membuat keputusan.
- Kepustakaan : Kaedah merujuk bahan primer dan sekunder yang berupa buku, jurnal, laporan penyelidikan dan lain-lain bahan terbitan sama ada melalui perpustakaan biasa atau digital.
- Invokasyen* : Tujuan puisi lisan didendang bagi tujuan doa atau ritual untuk penyembuhan.
- Triangulasi data : Membandingkan maklumat yang diperolehi dengan merujuk maklumat yang sama pada sumber yang berlainan.
- Informan : Orang yang ada pengetahuan tentang *Pelandai Bulan* dirujuk untuk memberi maklumat berkaitan.





Pengkaji
atau
penyelidik : Merujuk kepada pengkaji sendiri yang membuat penyelidikan untuk merungkaikan struktur, tema dan fungsi *Pelandi Bulan* dalam masyarakat Iban.

Manggul : Pemilihan tapak untuk huma.

Nasau : Membersihkan semak samun atau pokok renek di kawasan yang telah dipilih untuk tapak huma.

Nebang : Menebang pokok dalam kawasan yang telah dipilih untuk dijadikan tapak huma.

Belanggang
Reban : Membiarkan bekas tebangan mati dan kering sebelum dibakar.

Ngelabuhka
Benih : Mula menanam benih padi.

Mantun : Merumput dalam kawasan huma.

Begantung
Senduk : Kehabisan bekalan padi dan beras kerana hasil tuaian tahun lepas tidak mencukupi sebelum musim menuai tiba.

Matah : Ritual memulakan aktiviti menuai padi. Dilakukan sebelah pagi dengan mengambil sebakul (*sintung*) padi yang telah masak. Padi diproses menjadi beras kemudian dimasak untuk dimakan. Seminggu selepas itu barulah boleh menuai padi.

Ngetau : Menuai padi.

Empalai
Rubai : Kawasan jerami padi yang dibersihkan untuk menanam pelbagai sayur dan *taya* (kapas) selepas selesai musim menuai. *Taya* ini adalah bahan untuk membuat kain tenunan tradisional masyarakat Iban yang dipanggil *pua kumbu*.

Berangkut : Membawa padi ke rumah untuk disimpan.

Kelelang : Musim senggang selepas musim berhuma selesai. Kebiasaan untuk kaum lelaki masyarakat Iban merantau ke kawasan lain mencari rezeki dan harta seperti *tajau*, gong dan banyak lagi untuk hiasan rumah.



**SENARAI LAMPIRAN**

- A (i) : Rumah Panjang Nanga Ulai, kediaman Dungan anak Gunggu
- A (ii) : Transkrip Randau dengan Tuai Rumah Bagat anak Nunui
- B : Ciptaan Dungan anak Gunggu
- C : Teks dan Terjemahan Pelandai Bulan
- D : Transkrip randau dengan Encik Bana Jimbat, Pegawai Bahagian Iban Radio Televisyen Malaysia (RTM) Miri pada 20 Mac 2015 jam 3.15 petang di RTM Miri.
- E : Soalan Temu Bual (Versi Bah. Iban)
- F : Soalan Temu Bual (Versi Bah. Melayu)
- G : Soalan Temu Bual Uji Rintis (Versi Bah. Iban)
- H : Soalan Temu Bual Uji Rintis (Versi Bah. Melayu)
- I : Analisis Temu Bual Uji Rintis
- J : Transkrip Temu Bual dengan Responden Pengamal 1
- K : Transkrip Temu Bual dengan Responden Pengamal 2
- L : Transkrip Temu Bual dengan Responden Pengamal 3
- M : Transkrip Temu Bual dengan Responden Pengamal 4
- N : Transkrip Temu Bual dengan Responden Pengamal 5
- O : Transkrip Temu Bual dengan Responden Pengamal 6
- P : Transkrip Temu Bual dengan Responden Bukan Pengamal 1
- Q : Transkrip Temu Bual dengan Responden Bukan Pengamal 2
- R : Transkrip Temu Bual dengan Responden Bukan Pengamal 3
- S : Transkrip Temu Bual dengan Responden Bukan Pengamal 4
- T : Transkrip Temu Bual dengan Responden Bukan Pengamal 5





U : Transkrip Temu Bual dengan Responden Bukan Pengamal 6

V : Transkrip Temu Bual dengan Pakar 1

W : Transkrip Temu Bual dengan Pakar 2

X : Peta Negeri Sarawak: Taburan Responden





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Puisi ciptaan Mendiang Duning Anak Gunggu yang menjadi fokus dalam kajian teks atau analisis teks ini boleh dikategorikan sebagai genre puisi lisan masyarakat Iban yang sering berkumandang di corong-corong radio Malaysia, Bahagian Iban Sarawak setiap pagi pada pukul 6.15. Usaha beliau ini dianggap sebagai kesinambungan daripada Dewa *Sengalang Burung* yang sentiasa mengingatkan masyarakat Iban tentang rutin kerja harian berkaitan bersawah padi. *Sengalang Burung* adalah *Petara* (Sandin, 1967:14) yang bermaksud Tuhan kepada masyarakat Iban zaman dahulu. Kepercayaan ini terjadi lama sebelum kedatangan agama Kristian dan agama-agama lain dalam kehidupan masyarakat Iban. *Petara* (Tuhan) ini sentiasa merangsang dan mengingatkan masyarakat Iban tentang kerja seharian untuk meneruskan kehidupan agar beroleh kejayaan. Mesej utama dalam seruan atau peringatan itu ialah berusaha dengan gigih dan pintar supaya kejayaan berada di pihak kita.

Karya seperti ini merupakan ciptaan yang terbit daripada pemerhatian tentang tindak-tanduk manusia seharian. Dalam konteks kehidupan masyarakat Iban zaman dahulu, berhuma adalah kerja utama untuk meneruskan kesinambungan kehidupan.

an

ptbupsi

(Sumber:Laman web IPGM, 2011)



Maka dengan penjelasan di sebelah tadi, sudah sewajarnya keunikan *Pelandai Bulan* yang dibentuk dengan Bahasa Iban berunsur kesusasteraan memang sangat sesuai untuk dikaji agar pemahaman masyarakat Iban tentang mesej dan maksud puisi ini lebih mendalam untuk melihat kerelevanan puisi ini dalam kehidupan mereka.

Berikutan dengan itu, kajian ini meletakkan *Pelandai Bulan* dalam masyarakat Iban sebagai fokus kajian yang berunsur teks analisis. Aspek struktur dan tema yang diberi penekanan adalah untuk membuktikan bahawa puisi ini sebuah karya sastera yang baik. Dari aspek fungsi pula, *Pelandai Bulan* ini akan dinilai kesannya dalam kehidupan masyarakat Iban. Puisi ini berfungsi sebagai biasan budaya dan kehidupan masyarakat Iban.



1.2 Latar Belakang Kajian

Masyarakat Iban yang merupakan penutur jati bahasa Iban perlu diperkenalkan terlebih dahulu jika ingin mengkaji sesuatu isu atau perkara yang mempunyai perkaitan dengan kehidupan dan budaya mereka. Ini penting, kerana ia bakal memberi impak kepada mereka secara khusus. Dalam konteks ini, agak janggal jika kita tidak meneliti sejarah masyarakat itu sendiri. Penyataan ini diperjelas oleh Robert M. Pringle dalam *Introduction :The Sea Dayaks of Borneo Before The White Rajah Rule* (Sandin, 1967:3). Beliau menjelaskan bahawa kaum ini dikatakan berasal dari Timur Tengah, kawasan yang berdekatan dengan Tanah Suci Mekah. Dari situ mereka dipercayai berhijrah ke Pulau Sumatra dan terus ke Pulau Borneo . Di Pulau Borneo mereka terus menetap di Batang (Sungai / Lembah) Kapuas (Kawasan Kalimantan, Indonesia pada hari ini) sekitar tahun 1675. Mereka dipimpin oleh *Bujang Ganggam*



yang dapat berhubung terus dengan Tuhan Orang Iban, *Sengalang Burung*.



Dipercayai pada waktu inilah orang-orang Iban diajar oleh *Sengalang Burung* tentang tatacara kehidupan dan kebudayaan yang menjadi identiti kaum Iban hingga ke hari ini. Lama selepas itu, *Sera Gunting* cucu kepada *Sengalang Burung* terus memimpin dan mengajar Orang Iban yang membawa kepada penghijrahan seterusnya dan tempat yang pertama mereka duduki ialah kawasan Sungai Undup (Bahagian Sri Aman hari ini) dan Kumpang (kawasan Batang Ai, Lubok Antu dalam Bahagian Betong hari ini). Sekumpulan lagi kaum Iban ini berhijrah terus ke Tanjung Datu (kawasan Samarahan hari ini) dari Indonesia tanpa menetap di Batang Kapuas. Kumpulan ini diketuai oleh Sabatin dan anaknya yang bernama Drom. Kumpulan yang ketiga pula berhijrah terus ke Bukit Merudu (kawasan dalam Negara Brunei hari ini) dari Indonesia. Mereka ini dipimpin oleh *Pateh Simpong*. Dari tempat-tempat inilah kaum Iban terus berhijrah ke segenap pelusuk negeri Sarawak seperti mana yang ada pada hari ini (Unting,



2010:1).

Istilah *Iban* membawa pelbagai pengertian yang menjadi identiti kepada kaum itu sendiri. Anthony Richard pada tahun 1981 merungkai pelbagai maksud istilah Iban dalam kamusnya *An Iban-English Dictionary*. Istilah ini dikatakan berasal daripada Suku Kaum Kayan yang sama menetap di Sarawak. Suku Kaum Kayan merupakan suku kaum yang dikategorikan sebagai Orang Ulu di Sarawak. Ada pelbagai suku kaum dalam kategori ini seperti Lun Bawang, Kelabit, Kenyah, Saban, Lahanan, Penan dan Punan. Bagi orang Kayan menyebut Iban sebagai *Hivan*, *Divan* atau *Iban* yang membawa maksud anak menantu. Panggilan *Hivan* membawa rasa hormat, sayang dan manja. Jadi, kalau dirangkumkan pandangan Richard di atas, Iban bererti hormat, sayang sehingga nama pun tidak disebut apabila memanggil anak menantu tadi. Perkara yang sama terjadi dalam etnik Lun Bawang yang turut memanggil anak menantu mereka *Iban*. Ini dialami sendiri oleh pengkaji kerana mengahwini gadis etnik ini. Awal-awal lagi keluarga bapa mertua telah memaklumkan pengkaji tentang





maksud panggilan *Iban*. Ini bukan apa, sebab agak sensitif juga bagi masyarakat Iban jika dipanggil dengan nama sedemikian sebab ia boleh membawa konotasi negatif seperti kurang menghormati sesuatu kaum itu.

Jadi, kalau dirangkumkan pandangan Richard di atas, *Iban* bererti “hormat”, “sayang” sehingga nama pun tidak disebut apabila memanggil anak menantu tadi. Perkara yang sama terjadi dalam etnik Lun Bawang yang turut memanggil “anak menantu” mereka *Iban*. Ini dialami sendiri oleh pengkaji kerana mengahwini gadis etnik ini. Awal-awal lagi keluarga bapa mertua telah memaklumkan pengkaji tentang maksud panggilan *Iban*. Ini bukan apa, sebab agak sensitif juga bagi masyarakat Iban jika dipanggil dengan nama sedemikian sebab ia boleh membawa konotasi negatif seperti kurang menghormati sesuatu kaum itu.



Kedua, *Iban* juga bermaksud “orang yang masih muda” usianya dalam bahasa Kayan. Selain itu, *Iban* juga bermaksud insan. Ini menjelaskan bahawa maksud *Iban* merangkumi ciri-ciri kemanusiaan yang serba-serbi baik tingkah laku dan perangainya (Umbar, 2013:129). Berdasarkan maksud ini adalah menjadi cabaran yang amat sangat untuk kaum Iban hidup bersesuaian dengan maksud *Iban* yang sebenarnya.

Penjelasan maksud *Iban* di atas menunjukkan istilah Iban membawa maksud yang baik, kasih sayang dan hormat. Ini menjelaskan masyarakat Iban harus berusaha mempertahankan maksud *Iban* itu dalam kehidupan mereka seharian. Tidak keterlaluan jika pengkaji rumuskan bahawa istilah *Iban* yang digunakan untuk menamakan masyarakat Iban di Sarawak menunjukkan bahawa masyarakat itu ialah masyarakat yang berbudi bahasa dan penuh dengan kasih sayang. Malah, maksud



Iban yang lebih umum bagi sesetengah masyarakat Iban di Sarawak ialah manusia



(Unting, 2010:3). Ini dapat dikesan di Bahagian Sibul, Kanowit dan juga Kapit di Sarawak.

Masyarakat Iban memang kaya dengan pelbagai adat yang menjadi sekatan agar keharmonian dalam kehidupan dapat dicapai dan dipertahankan. Adat yang ditekan di sini ialah peraturan yang sudah diamalkan sejak turun-temurun di dalam sesebuah masyarakat (*Kamus Dewan Edisi Tiga*, 1997:7). Dalam konteks ini, adat yang dimaksudkan ialah yang berkaitan langsung dengan kehidupan dan budaya masyarakat Iban. Ini yang menerbitkan jati diri masyarakat itu. Sebagai contoh, kehidupan dalam rumah panjang merupakan salah satu identiti orang Iban di Sarawak. Keharmonian dalam rumah panjang itu disumbangkan oleh adat yang menekankan tingkah laku bersopan-santun. Golongan muda harus menghormati orang yang lebih tua, seperti membongkokkan badan jika melintasi hadapan mereka. Selain itu, adat bergotong-royong merupakan salah satu perkara yang menjadi ikatan tali persaudaraan di kalangan penghuni rumah panjang meskipun ada di antara mereka tidak memiliki tali persaudaraan yang sebenarnya. Gotong-royong dan bantu-membantu bukan semata-mata untuk aktiviti keramaian sosial yang santai dan menggembirakan tetapi juga untuk kematian, ditimpa bencana alam dan pelbagai kesukaran yang memerlukan bantuan.

Adat Perkahwinan Iban dimulai dengan adat merisik yang dilakukan oleh wakil pengantin lelaki. Kebiasaannya terdiri daripada ibu bapa atau keluarga terdekat. Adat merisik mempunyai persamaan dengan kaum Melayu. Namun zaman dahulu, masyarakat Iban ada adat *ngayap* yang dibenarkan berlaku sebelum rombongan merisik dihantar. Ini akan diikuti oleh adat pertunangan yang akan ditandakan dengan saling bertukar cincin. Tiba tempohnya maka akan diteruskan dengan *Melah Pinang*





(Majlis Perkahwinan) dan *bebiau* (ritual pemujaan *Petara/Dewa*) (Adat Iban, 1993:45) untuk memberkati perkahwinan di hadapan Ketua Rumah Panjang.

Ngayap adalah adat yang mengizinkan orang lelaki yang masih bujang melawat si gadis pada waktu malam (Umbar, 2013:103). Si bujang tadi akan mendapatkan keizinan daripada ibu bapa si gadis sebelum berjumpa dengannya. Adat *ngayap* ini bukan sesuatu yang serong daripada pandangan budaya masyarakat Iban. Ini kerana, zaman dahulu peluang untuk Si Bujang bertemu dengan Si Gadis memang sukar berlaku di waktu siang kerana aktiviti seharian yang padat dengan pelbagai aktiviti pertanian. Ini menjadikannya kurang manis untuk mereka berjumpa pada waktu siang. Jadi, cuma pada waktu malam mereka boleh berjumpa untuk mencari keserasian jika ingin mendirikan rumah tangga. Perlu ditekankan di sini, bahawa *ngayap* ini cuma dibenarkan antara Si Bujang dan Si Gadis yang berketurunan Iban sahaja (Adat Iban, 1993:40). Jika kaum lain melakukan ini kepada gadis Iban mereka akan dituduh melakukan pencerobohan dan akan dikenakan *Adat Tunggu* (dihukum) mengikut *Adat Iban, Mungkul 100* (100 biji *mungkul* yang nilainya sama dengan RM100.00 sekarang).

Adat Tunggu ini bermaksud tindakan undang-undang yang dijatuhkan kepada sesiapa yang melanggar peraturan dalam kalangan masyarakat Iban. Ia juga boleh dikenakan kepada orang dari luar komuniti Iban yang didapati melanggar peraturan atau melakukan pelbagai kesalahan yang dapat dibuktikan dalam lingkungan komuniti Iban (Adat Iban, 1993:vii).

Ensiring, Saleh dan Uambat (2011: 1305) dalam *Bup Sereba Reti Jaku Iban* menjelaskan *Adat Tunggu* (*Ukum enggau adat asal Iban; genselan ngena babi idup tauka manuk idup* (kadang telu manuk) ditambah enggau kering semengat (duku,

